

03/11/2002

2.8 juta pengundi berdaftar dipindah kawasan

Mutazar Abd Ghani; Maznah Darus

PULAU PINANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan ada pihak tertentu memindahkan seramai 2.8 juta pengundi berdaftar ke kawasan lain yang tiada kena mengena dengan mereka.

Kajian yang dibuat terhadap senarai daftar pemilih menunjukkan pengundi berkenaan tidak mempunyai alamat atau sebarang kaitan sama sekali dengan kawasan baru itu, katanya.

Perdana Menteri berkata, tindakan itu jelas membuktikan bahawa usaha memindahkan nama pengundi ke kawasan lain oleh pihak tertentu telah lama berlaku.

"Sebab itulah ada jumlah pengundi berdaftar yang bukan pengundi di sesebuah kawasan itu kerana alamatnya tidak sama dengan apa yang tertera pada kad pengenalan mereka.

"Perkara itu boleh disifatkan sebagai satu penipuan besar oleh parti lawan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucap-tama pada Konvensyen Barisan Nasional (BN) peringkat negeri di Kompleks Sukan Balik Pulau, di sini, semalam.

Beliau berkata: "Jika kawasan itu tidak mungkin dimenangi parti lawan, penyokong parti lawan dipindah ke kawasan yang mereka kalah sedikit saja.

"Dengan memindah pengundi daripada kawasan mereka tidak mungkin menang ke kawasan seumpama itu, mereka mungkin menang kerusi itu," katanya sambil memberi contoh paling ketara apabila ada penduduk Sabah didaftarkan sebagai pengundi di Anak Bukit, Kedah, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pendedahan yang dibuat Timbalan Ketua Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Dr Hilmi Yahaya bahawa ada kira-kira 500 pengundi yang tidak dikenali didaftarkan di kawasan Telok Bahang manakala 700 pengundi di situ pula telah dipindahkan ke kawasan yang lain oleh orang tertentu.

Hilmi berkata 500 pengundi itu mungkin tidak mengundi BN sedangkan senarai 700 pengundi yang terkeluar namanya daripada kawasan itu adalah penyokong setia BN.

Mengenai persaraannya, Dr Mahathir sekali lagi mengulangi keputusan muktamadnya untuk melepaskan semua jawatan yang dipegangnya selepas Oktober 2003 dan tidak akan bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak akan mengubah keputusannya kerana setakat ini pun sudah ada orang memperkatakan pendiriannya berhubung keputusan itu.

"Saya tidak boleh berdolak-dalik dalam perkara ini. Saya dah kata sesuatu, itu sajalah yang saya buat. Saya tak naklah orang kata saya ni main politik. Saya dah buat keputusan nak letak jawatan, tak nak bertanding, saya letak jawatan, tak bertandinglah.

"Ini pun dah ada orang kata yang saya kata nak berhenti, tapi bila dipujuk supaya jangan berhenti, saya tak jadi berhenti," katanya.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata demikian ketika diminta mengulas permintaan beberapa pihak dalam Umno agar beliau menimbang semula keputusan itu.

Pada Perhimpunan Agung Umno, Jun lalu, beliau mengumumkan akan meletak jawatan sebagai Perdana Menteri dan melepaskan segala jawatannya dalam parti. Tidak lama selepas itu, Dr Mahathir turut mengumumkan tidak akan bertanding pada pilihan raya umum akan datang.